

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA BALIK KAMPUNG
YAMAHA- MALAYSIA MOTORCYCLE AND SCOOTER DEALERS
ASSOCIATION (MMSDA)**

**8 APRIL 2023 | SABTU
DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR
UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

[Salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

- **Yang Berbahagia Dato' Dr. Jim Khor**
Pengarah Urusan Kumpulan, Hong Leong Industries Bhd.
- **Yang Berbahagia Datuk Wee Hong**
Pengerusi, Malaysia Motorcycle & Scooter Dealers Association
- **Yang Berbahagia Tuan Janagarajan a/l A M Mariappan**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan),
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
- **Yang Berbahagia Ir. Ts. Dr. Muhammad Marizwan bin Haji Abdul Manan**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Persekitaran
- **Yang Berbahagia DSP Kartikeyan A/L Wassu**

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Shah Alam.

- Ketua Polis (**To be Confirmed**)

- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UiTM

- Rakan-Rakan Media Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, dapat kita berada di sini sempena **Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung YAMAHA-MMSDA.**

2. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada YAMAHA-MMSDA dan Institut Pengangkutan Malaysia

(MITRANS) atas inisiatif penganjuran *KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA BALIK KAMPUNG* yang julung- julung kalinya diadakan di kampus UiTM.

3. UiTM amat berbesar hati kerana dapat turut sama berkolaborasi menjayakan program yang sangat bermanfaat dan akan menyokong penuh usaha mempromosikan keselamatan jalan raya dalam kalangan warga UiTM dan seluruh rakyat Malaysia.

Para hadirin sekalian,

4. Seperti yang telah kita maklum, statistik kemalangan jalan raya semakin meningkat dari tahun ke tahun disebabkan pelbagai faktor. Namun, kebanyakan kemalangan jalan raya dikatakan berpunca daripada kecuaiian manusia itu sendiri, seperti memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol, melampaui had laju, mengabaikan peraturan jalan raya dan sebagainya.

5. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan

keselamatan jalan raya terpelihara dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat di negara ini.

6. Kita perlu akui, setiap tahun, pelbagai kempen dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun sektor swasta bagi mengingatkan pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi undang-undang jalan raya. Namun, realitinya amat menyedihkan apabila kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan terus meningkat terutamanya kemalangan yang melibatkan motosikal.

7. Oleh itu, kempen meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal perlu dipergiatkan. Mereka perlu tahu akan tanggungjawab ke atas diri sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain. Sentiasa memeriksa keadaan motosikal atau kenderaan, menggunakan helmet yang berkualiti atau mematuhi piawaian yang ditetapkan perlu diterapkan di kalangan anak muda khususnya agar menjadi amalan pada setiap masa.

8. Melalui program seperti ini, saya yakin kita akan dapat membantu mengurangkan kemalangan dan lebih utama mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh faktor kecuaiian manusia, khususnya pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri yang akan datang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Pada hari ini pelajar dan warga UiTM amat bertuah. Mereka berpeluang mendapatkan khidmat pemeriksaan secara percuma daripada pakar-pakar yang disediakan telah oleh pihak YAMAHA-MMSDA selain sesi perkongsian ilmu "*Safety Talk and Ride*" yang akan diadakan sebentar nanti.

10. Saya berharap para pelajar serta warga UiTM mengambil peluang ini demi menjaga kesejahteraan bersama. Undang-undang, penguatkuasaan serta penganjuran kempen kesedaran keselamatan jalan raya tidak akan memberikan makna dan kesan sekiranya pengguna jalan raya tidak mematuhi.

11. Seiring dengan itu, saya mohon semua warga UiTM, terutamanya pelajar agar lebih berhati-hati semasa berada di jalan raya. Kita harus memastikan keselamatan dan nyawa kita serta orang lain. Biarlah lambat asal selamat.

12. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak YAMAHA-MMSDA dengan pelaksanaan program keselamatan jalan raya sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat yang harus dicontohi oleh pihak lain. Tidak lupa ucapan ribuan terima kasih kepada jabatan, agensi kerajaan yang turut bersama kita pada pagi ini iaitu pihak JPJ, MIROS dan PDRM. Terima kasih juga kepada MITRANS, yang bersama-sama menggerakkan program yang bermanfaat ini bagi menjaga kesejahteraan pelajar dan warga UiTM.

13. Semoga kita semua selamat pulang ke kampung atau tiba ke destinasi yang diinginkan dengan selamat. Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan **“Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung 2023”**.

Wabillahitaufik, walhidayah wassalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.